

**Tan Sri Dato' Haji Basir bin Ismail**

Chairman

*Pengerusi*



"... the proudest achievement for the Group was for KLIA to be accorded the second best airport ranking in the world by Skytrax of the United Kingdom ..."

*"... pencapaian paling membanggakan Kumpulan ialah pengiktirafan yang diberikan oleh Skytrax dari United Kingdom kepada KLIA sebagai lapangan terbang kedua terbaik di dunia ..."*

Dear Shareholders,

I am pleased to present the Annual Report and Audited Accounts for the Group and the Company for the financial year ended 31 December, 2001.

With the challenges faced during the year under review and the fast changing environment of the Aviation Industry, the Group revised the Business Plan to ensure profitability.

A series of strategic initiatives were introduced. This led to the implementation of the following changes:

- Streamlining the Group's activities to concentrate on core airport services
- Expediting KLIA's hub development programme and airlines marketing
- Aggressively pursuing operational excellence and cost optimisation

Whilst these initiatives are on going, results are already apparent. On hub development and airlines' marketing, three new airlines started operations at

*Para Pemegang-pemegang Saham,*

*Dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun-akaun Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2001.*

*Kumpulan telah menyemak semula Rancangan Perniagaannya bagi memastikan pencapaian keuntungan yang memuaskan selaras dengan berbagai cabaran yang dihadapi sepanjang tahun ditinjau serta perubahan-perubahan pesat dalam persekitaran Industri Penerbangan.*

*Satu siri inisiatif strategik telah diperkenalkan dan membawa kepada pelaksanaan perubahan seperti berikut:*

- *Penyusunan semula aktiviti Kumpulan supaya tertumpu kepada perkhidmatan utama lapangan terbang*
- *Mempercepatkan program pembangunan KLIA sebagai hub serta pemasaran kepada syarikat-syarikat penerbangan*
- *Meneruskan usaha mencapai kecemerlangan operasi dan mengoptimumkan kos secara agresif*

*Sungguhpun semua inisiatif ini sedang dijalankan, namun kesannya sudahpun dapat dilihat dengan ketara. Usaha pembangunan hub dan pemasaran untuk menarik syarikat-syarikat penerbangan telah menyaksikan tiga syarikat penerbangan memulakan operasi mereka di KLIA sejak akhir 2000. Enam syarikat-syarikat*




KLIA since the end of year 2000. Six new airlines were identified as strong potentials whilst five existing airlines were reviewing possibility of increasing services. Meanwhile, aggressive pursuit of operational excellence and cost optimisation contributed significantly to year 2001's outstanding performance.

The Group is currently engaged in active negotiations with the respective interested parties for the disposal of Sepang F1 Circuit, Sepang International Circuit Sdn Bhd and NECC Sdn Bhd.

### Financial Results

Despite challenging environment, the Group turned in an excellent set of financial performance.

Whilst the overall passenger movements at the Group's network of airports in Malaysia registered a 3.2% y-o-y increase for the first three quarters of the financial year under review, the adverse impact of the tragic incidents of 11 September, 2001 in the United States of America altered the state of being of the industry, which was already fragile at that point especially so for the airlines. Fourth quarter total passenger movement dipped by 12.5% y-o-y

*penerbangan baru telah dikenalpasti sangat berpotensi untuk memulakan operasi di KLIA, sementara lima syarikat-syarikat penerbangan sedia ada sedang menimbangkan kemungkinan untuk menambah perkhidmatan. Sementara itu, langkah agresif yang dijalankan untuk mencapai kecemerlangan operasi serta mengoptimumkan kos telah menyumbang dengan ketara terhadap pencapaian prestasi cemerlang bagi tahun 2001.*

*Pada masa ini Kumpulan terlibat secara aktif dalam rundingan dengan beberapa pihak bagi tujuan penjualan Litar F1 Sepang, Sepang International Circuit Sdn Bhd dan NECC Sdn Bhd.*

### *Keputusan Kewangan*

*Walaupun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar, Kumpulan mampu menghasilkan prestasi kewangan yang cemerlang.*

*Sungguhpun pergerakan penumpang di rangkaian lapangan terbang Kumpulan di Malaysia secara umum mencatatkan peningkatan sebanyak 3.2% menurut perbandingan dari tahun ke tahun sepanjang tempoh tiga suku pertama pada tahun kewangan yang ditinjau, namun kesan buruk*



resulting in a slight drop of 0.9% y-o-y for the full year of 2001. Accordingly, total turnover for the Group only inched up by 1.7% to RM896.1m for the period under review compared to RM881.2m in 2000.

The Group's innovative policy proved to be the key factor in coping with the depressed environment. Despite the 1.7% growth in Group turnover, profit before taxation soared by 26% to RM256.9m as compared to RM203.8m in year 2000. The increase was mainly due to the ability to contain and optimise the cost structure especially from the Group's main contributor namely airport services. I am very pleased to report that the airport services segment managed to reduce the three main cost components namely staff, utilities and operations & maintenance costs by 5.3%, 16.5% and 50.8% respectively following the Group's operational excellence and cost optimisation programme mentioned earlier. I am also very pleased to report that the Group managed to turn around year 2000's sluggish performance of the hotel and event management segments. From registering losses before taxation in year 2000, the hotel and event management segments are back in

*daripada peristiwa tragik 11 September, 2001 di Amerika Syarikat telah mengubah nasib industri, terutamanya syarikat-syarikat penerbangan yang sememangnya sudah terjejas ketika itu. Jumlah pergerakan penumpang pada suku keempat susut sebanyak 12.5% menurut perbandingan dari tahun ke tahun, menyebabkan penyusutan kecil sebanyak 0.9% menurut perbandingan dari tahun ke tahun bagi tahun penuh 2001. Sejajar dengan itu, perolehan Kumpulan hanya meningkat sebanyak 1.7% kepada RM896.1 juta bagi tempoh yang ditinjau berbanding RM881.2 juta pada tahun 2000.*

*Dasar inovatif Kumpulan terbukti merupakan faktor utama yang membantu membendung kesan persekitaran yang lembab. Walaupun perolehan Kumpulan meningkat sebanyak 1.7% sahaja, namun keuntungan sebelum cukai melonjak sebanyak 26% kepada RM256.9 juta berbanding RM203.8 juta pada tahun 2000. Sebab utama yang membolehkan pertambahan ini adalah kemampuan untuk membendung dan mengoptimumkan struktur kos, terutamanya daripada penyumbang utama Kumpulan iaitu perkhidmatan lapangan terbang. Saya berasa amat sukacita untuk melaporkan bahawa segmen perkhidmatan lapangan terbang mampu mengurangkan tiga komponen kos utama iaitu kakitangan sebanyak 5.3%, utiliti sebanyak 16.5% dan operasi & penyelenggaraan sebanyak 50.8% melalui program kecemerlangan operasi dan mengoptimum kos seperti yang disebutkan sebelum ini. Saya juga berasa amat gembira untuk melaporkan bahawa Kumpulan mampu memulihkan prestasi lembab segmen hotel dan pengurusan acara yang dialami pada tahun 2000. Daripada kerugian sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun 2000, segmen hotel dan pengurusan acara kembali pulih pada tempoh yang ditinjau dengan masing-masing mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM717,000 (2000 : kerugian sebanyak RM2.3 juta) dan RM27,000 (2000 : kerugian sebanyak RM26.0 juta). Gabungan faktor-faktor ini serta usaha perancangan cukai yang proaktif telah menyumbang kepada pertambahan keuntungan bersih sebanyak 42% kepada RM180.0 juta berbanding RM126.8 juta pada tahun 2000.*


C35



the black for period under review registering profit before taxation of RM717,000 (2000 : loss of RM2.3m) and RM27,000 (2000 : loss of RM26.0m) respectively. The culmination of these factors as well as the Group's proactive tax planning initiative contributed to a 42% increase in net earnings of RM180.0m as compared to RM126.8m in year 2000.

### Group Highlights

One of the proudest achievements for the Group was for KLIA to be accorded the second best airport ranking in the world by Skytrax of the United Kingdom behind Hong Kong and surpassing Singapore's Changi Airport. The determination, hard work and support of all involved collectively contributed to that success.

As an essential public infrastructure to the nation, the Group strives for operational excellence. To this end, I am proud to inform the shareholders that in year 2001, two of the Group's subsidiaries were accorded Standards & Industrial Research Institute of Malaysia's (SIRIM) MS ISO certifications, namely Malaysia Airports Management & Technical Services Sdn Bhd for Cleaning Consultancy Services and Malaysian Airports Technologies Sdn Bhd for Quality Management System pertaining to the Management, Operations and Maintenance of the Integrated Airport Systems. This is in addition to the earlier

### Sorotan Kumpulan

*Salah satu pencapaian paling membanggakan Kumpulan ialah pengiktirafan yang diberikan oleh Skytrax dari United Kingdom kepada KLIA sebagai lapangan terbang kedua terbaik di dunia selepas Hong Kong dan mengatasi Lapangan Terbang Changi Singapura. Keazaman, ketekunan dan sokongan semua pihak yang terlibat telah menyumbang kepada kejayaan tersebut.*

*Sebagai sebuah prasarana awam yang penting kepada negara, Kumpulan berusaha gigih untuk mencapai kecemerlangan operasi. Sejajar dengan matlamat tersebut, saya berasa bangga untuk memaklumkan kepada para pemegang-pemegang saham bahawa pada tahun 2001, Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) telah memberi sijil pengesahan MS ISO kepada dua buah syarikat subsidiari iaitu Malaysia Airports Management & Technical Services Sdn Bhd bagi Perkhidmatan Juruperunding Pembersihan dan Malaysia Airports Technologies Sdn Bhd bagi Sistem Pengurusan Kualiti berkaitan dengan Pengurusan, Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Lapangan Terbang Bersepadu. Ia merupakan pencapaian lanjutan kepada pengesahan MS ISO yang telah diterima untuk Perkhidmatan Keselamatan dan Kebombaan Lapangan Terbang serta Penyelenggaraan Operasi Sistem Kuasa Elektrik.*

*Diperingkat antarabangsa, usahasama Kumpulan dengan Aeroports De Paris Management SA yang sedia wujud dalam mengendalikan Lapangan Terbang Antarabangsa Pochentong di Phnom Penh, Kemboja telah melangkah ke satu era baru. Kumpulan bersama dengan rakan usahasamanya, telah memperluaskan lagi liputan usahaniaga di Kemboja melalui perkhidmatan pengurusan dan operasi lapangan terbang antarabangsa kedua iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Siem Reap.*

accorded MS ISO certifications for Airport Security and Fire Services as well as for Operational Maintenance of Electrical Power System.

On the international front, the Group's joint venture with Aeroports De Paris Management SA to operate the Pochentong International Airport in Phnom Penh, Cambodia reached a new mark. The Group, together with its joint venture partner, has expanded the coverage of its Cambodian venture to the management and operation of the second international airport namely Siem Reap International Airport.

### Dividend

The Company declared a tax-exempt interim dividend of 3.5 sen per ordinary share, which was paid on 6 December, 2001. The Directors recommend that a final tax-exempt dividend of 4 sen be paid per ordinary share in respect of the financial year ended 31 December, 2001.

### Outlook

Given the fast changing environment of the industry, many challenges lie ahead. Whilst this is true, aligned strategically, opportunities are aplenty too and that is the main reason why the Group is very focused on the initiatives mentioned earlier. The virtue of the Group is in its core competency that is airport services. Aviation is a growth industry. Idiosyncratic cycles will show its head ever so often and will momentarily impede growth. However, the long-term prospects appear encouraging.

The Group had proven to its shareholders of its agility and ability to weather challenging environments. The real challenge lies in the Group's ability to deliver its promise to all stakeholders of a sustainable enhancement of value. In order to achieve this, the Group encourages the implementation of a transparent regulatory framework of pricing aeronautical charges. Last year, I reported that there is scope for a review of these charges under the Concession Agreement

### *Dividen*

*Syarikat mengisytiharkan dividen interim dikecualikan cukai sebanyak 3.5 sen bagi setiap saham biasa yang telah dibayar pada 6 Disember, 2001. Para Pengarah mengesyorkan dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 4 sen bagi setiap saham biasa berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember, 2001.*

### *Tinjauan Masa Depan*

*Berbagai cabaran menanti pada masa depan memandangkan persekitaran dalam industri begitu pesat mengalami perubahan. Walaupun ini merupakan satu hakikat, tetapi melalui langkah strategik, ia turut menyediakan banyak peluang dan itulah sebab utama mengapa Kumpulan amat menumpukan perhatian terhadap inisiatif yang dinyatakan sebelum ini. Nilai kecemerlangan Kumpulan terletak kepada kekuatan terasnya iaitu perkhidmatan lapangan terbang. Industri penerbangan merupakan sebuah industri yang kian berkembang pesat. Kitaran idiosinkrasi akan mengunjur dari semasa ke semasa dan ini akan memberi cabaran terhadap pembangunan.Walau bagaimanapun, prospek jangka panjang adalah menggalakkan.*

*Kumpulan telah membuktikan kepada para pemegang saham akan kemantapan dan kemampuannya untuk mengharungi persekitaran yang mencabar. Cabaran sebenar yang dipikul oleh Kumpulan terletak pada kemampuannya untuk menepati janji menambahkan nilai secara berterusan kepada semua pemegang kepentingannya. Bagi mencapai matlamat ini, Kumpulan menggalakkan pelaksanaan rangka kerja penguatkuasaan peraturan penentuan caj aeronautikal yang telus. Pada tahun lepas, saya melaporkan bahawa terdapat skop yang boleh dikaji semula berhubung caj ini di bawah Perjanjian Konsesi yang dimeterai oleh Kumpulan dengan Kerajaan Malaysia. Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa kertas cadangan berhubung perkara tersebut telah diserahkan kepada Kerajaan.*

entered into by the Group and the Government of Malaysia. I am pleased to report that the proposal has been submitted to the Government. However, in the interest of all stakeholders, a transparent regulatory regime should be in place to ensure sustainable enhancement of value in the long-term.

As for the year ahead, the continued progress and improvement towards a turnaround in air travel subsequent to the unfortunate incidents of 11 September, 2001 augurs well for the Group. The diminishing signs of a further aggravated global economic environment also play an important factor towards a recovery in global air travel industry. Premised on the above and barring further unforeseen circumstances, the Group is confident of again delivering satisfactory results to the shareholders.

## Acknowledgement

On behalf of the Board of Directors of Malaysian Airports Holdings Berhad, I thank the management and staff of the Group, airlines, business associates, international and domestic passengers, shareholders, Ministries and Government Departments and statutory bodies for their support and cooperation throughout the financial period under review. I hope this mutually beneficial relationship will continue and be strengthened along the way. I also thank the members of the Board for the wise counsel, guidance and unfailing support throughout the year.

**Tan Sri Dato' Haji Basir bin Ismail**

*Walau bagaimanapun, demi kepentingan semua pemegang kepentingan, regim penguatkuasaan peraturan yang telus perlu disediakan bagi memastikan peningkatan nilai yang mampan dalan jangkamasa panjang.*

*Bagi tahun akan datang, kemajuan dan peningkatan berterusan yang dicapai ke arah pemulihan industri perjalanan udara berikutan peristiwa malang 11 September, 2001, memberi petanda baik kepada Kumpulan. Kelenyapan tanda-tanda kemelesetan ekonomi global turut merupakan faktor penting ke arah pemulihan dalam industri perjalanan udara sedunia. Berasaskan kepada keadaan di atas dan jika tidak berlaku sebarang kejadian di luar jangkaan, Kumpulan yakin bahawa ia mampu untuk sekali lagi menghasilkan keputusan yang memuaskan kepada para pemegang saham.*

## *Penghargaan*

*Saya bagi pihak Lembaga Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad dengan sukacitanya mengucapkan terima kasih kepada pengurusan dan kakitangan Kumpulan, syarikat-syarikat penerbangan, rakan perniagaan, penumpang antarabangsa dan domestik, para pemegang saham, Kementerian dan Jabatan Kerajaan serta badan-badan berkanun kerana memberi sokongan dan kerjasama sepanjang tempoh kewangan yang ditinjau. Saya berharap semoga perhubungan yang memberikan manfaat bersama ini akan berterusan dan diperkukuhkan lagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para ahli Lembaga Pengarah kerana memberi nasihat dan sokongan sepanjang tahun.*

***Tan Sri Dato' Haji Basir bin Ismail***